

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Saturday, November 9, 2019 7:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: IPDM JADIKAN NUS SEBAGAI PENANDA ARAS PUSAT KECEMERLANGAN DAN RAKAN STRATEGIK BAHARU



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 NOVEMBER 2019 / 12 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

IPDM JADIKAN NUS SEBAGAI PENANDA ARAS PUSAT KECEMERLANGAN DAN RAKAN STRATEGIK BAHARU



UUM ONLINE: Delegasi UUM telah mengadakan satu lawatan penanda aras ke National University of Singapore (NUS), baru-baru ini.

Lawatan yang diketuai Naib Canselor UUM, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani, turut disertai Ahli Lembaga Pengarah UUM, Shah Hakim @ Shahzanim Zain dan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM), Prof. Dr. Zakaria Abas.

Tujuan utama lawatan penanda aras ini sebagai salah satu inisiatif strategik UUM untuk memperkasakan fungsi, struktur dan hala tuju IPDM mengikut bidang tujuan yang dibangunkan bagi melonjakkan peranan IPDM sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE).

Ketibaan delegasi disambut oleh Pengarah Institute of Policy Studies (IPS), NUS, Janadas Devan.

Dalam sesi taklimat, Janadas Devan berkongsi maklumat dengan pihak UUM berkenaan sejarah penubuhan IPS, halatuju IPS sebagai satu badan bebas yang bertindak sebagai *think tank* dalam pembangunan kajian dan penghasilan idea berkenaan polisi dan dasar awam di Singapura.

“IPS berperanan dalam menilai isu-isu kritikal yang melibatkan kepentingan awam di Singapura yang merangkumi semua bidang seperti ekonomi, kewangan, hubungan antarabangsa, pentadbiran dan tadbir urus negara, keagamaan, sosio-politik, kebudayaan dan kelestarian hijau.

Menurutnya, semua kajian yang dijalankan sama ada yang melibatkan penghasilan idea untuk sesuatu polisi awam atau kajian lapangan bagi menilai persepsi rakyat terhadap sesuai polisi atau isu adalah dengan menggunakan pendekatan pelbagai disiplin dalam analisa kajian serta mengambil kira pandangan jangka panjang dan kepentingan semua pemegang taruh.

Tambahnya, hasil kajian dasar dan polisi awam ini akan dikongsikan bersama rakyat Singapura dan komuniti perniagaan di Singapura melalui pelbagai platform seperti seminar, syarahan umum, bengkel, perbincangan meja bulat, penerbitan berkala, penyediaan maklumat di media sosial.

“Perkongsian maklumat ini akan dapat meningkatkan kesedaran rakyat Singapura terhadap hasil kajian yang dijalankan,” ujarnya.

Sejurus selepas itu, delegasi berkunjung ke Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKY SPP), NUS untuk membuat penanda aras bagi pengurusan program pengajian di peringkat Pasca Siswazah yang dilaksanakan.

Menurut *Associate Dean & Co-Director, LKY SPP*, Prof. Madya Dr. Francesco Mancini, LKY SPP berperanan menawarkan program Pasca Siswazah khususnya dalam bidang *public policy* dengan penawaran program *PhD in Public Policy, Double Master Degree in Public Policy and European Affairs, Master in Public Administration, Master in Public Policy*.

“LKY SPP turut menawarkan program eksekutif kepada sektor korporat kepada para CEO, pegawai kerajaan dan pegawai bank.

“Antara program eksekutif yang ditawarkan seperti *Senior Management Programme 2020: Leading in Complexity and Disruption, Corruption and Integrity: An Analysis and Understanding of Contemporary Issues, Corporate Governance*,” ujarnya.

LKY SPP bersetuju untuk mengadakan kerjasama dengan pihak IPDM dalam penganjuran program-program eksekutif secara bersama termasuk penganjuran Langkawi International Forum (LIF) yang bakal dilaksanakan pada tahun 2020.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.